

Bil. S 31

**AKTA MAHKAMAH BESAR
(PENGGAL 5)**

**ATURAN-ATURAN DARI ATURAN-ATURAN MAHKAMAH BESAR
(PINDAAN), 2000**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 12 dari Akta Mahkamah Besar, maka Hakim-Hakim Mahkamah Besar, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan Mahkamah yang berikut —

Gelaran.

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan dari Aturan-Aturan Mahkamah Besar (Pindaan), 2000.

Pengenaan.

2. Aturan-Aturan ini hendaklah dikenakan kepada setiap tindakan dalam Mahkamah pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa Aturan-Aturan ini, sama ada atau tidak tindakan itu dimulakan sebelum tarikh itu.

Pindaan Perintah 13 dari Aturan-Aturan utama.

3. Perintah 13 dari Aturan-Aturan Mahkamah Besar (S 5/90), dalam Aturan-Aturan ini disebut sebagai Aturan-Aturan utama, adalah dipinda, dalam aturan 4(1), dengan memotong "83" dan menggantikannya dengan "79".

Pindaan Perintah 14.

4. Perintah 14 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda, dalam aturan 1(3), dengan memotong "81" dan menggantikannya dengan "77".

Pindaan Perintah 19.

5. Perintah 19 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda, dalam aturan 5(1), dengan memotong "83" dan menggantikannya dengan "79".

Pindaan Perintah 22.

6. Perintah 22 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda, dalam aturan 3(6), dengan memotong "76" dan menggantikannya dengan "73".

Pindaan Perintah 25.

7. Perintah 25 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda, dalam aturan 1(2)(a), dengan memotong "81" dan menggantikannya dengan "77".

Pindaan Perintah 30.

8. Perintah 30 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda, dalam aturan 2(3), dengan memotong "\$10,000" dan menggantikannya dengan "\$20,000".

Pindaan Perintah 33.

9. Perintah 33 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda, dalam aturan 4A(1), dengan memotong "4(2)" dan menggantikannya dengan "3(2)".

Pindaan Perintah 36.

10. Perintah 36 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda —

- (a) dalam tajuk, dengan menambah "OR OTHER COURT" sejurus selepas "REGISTRAR";
- (b) dalam aturan 1 —
 - (i) dalam baris kedua, dengan memasukkan "or of its own motion" sejurus selepas "party";
 - (ii) dalam baris terakhir, dengan memasukkan "any other Court or" sejurus selepas "before"; dan
 - (iii) dalam nota tepi, dengan menambah "or other Court" sejurus selepas "Registrar"; dan
- (c) dalam aturan 2 —
 - (i) dalam baris terakhir, dengan memasukkan "any other Court or" sejurus selepas "before"; dan
 - (ii) dalam nota tepi, dengan menambah "or other Court" sejurus selepas "Registrar".

Pindaan Perintah 38.

11. Perintah 38 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda, dalam aturan 2(1) —

- (a) dengan memotong "may" dari baris keempat dan menggantikannya dengan "shall"; dan
- (b) dengan memotong "If the Court so directs, then, unless" dari baris-baris keempat dan kelima dan menggantikannya dengan "Unless".

Pindaan Perintah 46.

12. Perintah 46 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda, dalam aturan 24 —

- (a) dalam aturan kecil (1), dengan memotong "two" dari baris kedua dan menggantikannya dengan "five"; dan
- (b) dalam nota tepi, dengan memotong "\$2,000" dan menggantikannya dengan "\$5,000".

Pindaan Perintah 47.

13. Perintah 47 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan memasukkan aturan baru yang berikut sejurus selepas aturan 5 —

"Pengecualian
dari
pelaksanaan.
(P. 47, a. 5A).

5A. Harta yang berikut hendaklah dikecualikan dari pelaksanaan —

- (a) pakaian yang diperlukan, perkakas memasak, katil dan peralatan tempat tidur penghutang penghakiman dan isteri dan anak-anaknya;
- (b) alat yang digunakan oleh penghutang penghakiman dalam perdagangan atau perniagaannya;
- (c) jika penghutang penghakiman adalah seorang peladang, perkakas perladangannya, dan lembu, kerbau dan bijian benih sebagaimana yang mungkin, pada pendapat Mahkamah, diperlukan untuk membolehkannya mencari nafkah sebagai seorang peladang;
- (d) jika penghutang penghakiman adalah seorang nelayan, peralatan menangkap ikan, pukot, perangkap ikan dan umpannya dan bot sebagaimana yang mungkin, pada pendapat Mahkamah, diperlukan untuk membolehkannya mencari nafkah sebagai seorang nelayan."

Pindaan Perintah 51.

14. Perintah 51 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan memotong "Court" di mana sahaja perkataan itu tertera dan menggantikannya dengan "Chief Justice".

Pindaan Perintah 57.

15. Perintah 57 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda, dalam aturan 3(3), dengan memotong "five hundred" dan menggantikannya dengan "one thousand".

Pindaan Perintah 59.

16. Perintah 59 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda —

- (a) dalam aturan 3(9)(b), dengan memotong "88" dan menggantikannya dengan "83"; dan
- (b) dalam aturan 5 —
 - (i) dengan memotong noktah dari hujung perenggan (b) dan menggantikannya dengan koma bernoktah; dan
 - (ii) dengan menambah perenggan baru yang berikut —

"/c/ fakta bahawa tindakan itu patut diambil di Mahkamah lain."

Pindaan Perintah 62.

17. Perintah 62 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda, dalam aturan 7 —

- (a) dengan memotong "Order 73, rule 3," dan menggantikannya dengan "these rules"; dan
- (b) dengan memotong "or against" di mana sahaja perkataan-perkataan itu tertera.

Pindaan Perintah 80.

18. Perintah 80 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda, dalam aturan 1 —

- (a) dengan memotong "the Guardianship of Infants Act" dan menggantikannya dengan "any law in force with respect to the guardianship of infants"; dan
- (b) dalam nota tepi, dengan memotong "Guardianship of Infants Act" dan menggantikannya dengan "guardianship legislation".

Pindaan Perintah 84.

19. Perintah 84 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda —

- (a) dalam aturan 6(1)(b), dengan memotong "one" dan menggantikannya dengan "five"; dan
- (b) dalam aturan 8(3), dengan memotong "\$5,000" dan menggantikannya dengan "\$10,000".

Pindaan Borang 116 dalam Lampiran A.

20. Lampiran A kepada Aturan-Aturan utama adalah dipinda, dalam Borang 116, dengan memotong "five hundred" dan menggantikannya dengan "one thousand".

Diperbuat pada hari ini 22 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 27 haribulan April, 2000.

DATO SERI PADUKA SIR DENYS ROBERTS
KETUA HAKIM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.